



KERAJAAN MALAYSIA

Perolehan Bekalan Surat Khabar Dan Majalah Tempatan

(Pindaan Pada 15 Julai 2019)

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 7.12 PEROLEHAN BEKALAN SURAT KHABAR DAN MAJALAH TEMPATAN	2
1. Kaedah dan Had Nilai	2
2. Syarat Perolehan.....	2
3. Jawatankuasa Penilaian.....	2
4. Pesanan Kerajaan	2
5. Surat Setuju Terima	3
6. Bon Pelaksanaan	3
7. Dokumen Perjanjian	3
8. Tarikh Kuat Kuasa	3

PK 7.12 PEROLEHAN BEKALAN SURAT KHABAR DAN MAJALAH TEMPATAN**1. Kaedah dan Had Nilai**

1.1 Agensi adalah dibenarkan untuk melaksanakan perolehan secara pembelian terus bagi langganan surat khabar dan majalah tempatan seperti berikut:

1.1.1 Perolehan sehingga RM20 ribu hendaklah dilaksanakan di kalangan mana-mana syarikat/pembekal sama ada berdaftar/tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan; dan

1.1.2 Perolehan melebihi RM20 ribu hendaklah dilaksanakan di kalangan mana-mana syarikat/pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan.

2. Syarat Perolehan

2.1 Peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi.

2.2 Kajian pasaran adalah dikecualikan.

2.3 Agensi adalah digalakkan agar melanggan surat khabar dan majalah tempatan secara atas talian (*online*) bagi tujuan penjimatan.

2.4 Tatacara rundingan harga adalah dikecualikan.

3. Jawatankuasa Penilaian

3.1 Agensi dikecualikan daripada menubuhkan Jawatankuasa Penilaian.

4. Pesanan Kerajaan

4.1 Agensi dikecualikan daripada mengeluarkan Pesanan Kerajaan dan bayaran hendaklah dibuat berdasarkan inbois yang dikemukakan oleh syarikat.

5. Surat Setuju Terima

- 5.1 Agensi dikecualikan daripada mengeluarkan Surat Setuju Terima bagi perolehan bermasa atau *one-off* tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai.

6. Bon Pelaksanaan

- 6.1 Agensi dikecualikan daripada mengenakan Bon Pelaksanaan bagi perolehan melebihi RM200 ribu sama ada bermasa atau *one-off*.

7. Dokumen Perjanjian

- 7.1 Agensi dikecualikan daripada mengadakan dokumen perjanjian bagi perolehan bermasa atau *one-off* tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai. Agensi hendaklah memastikan semua obligasi syarikat telah disempurnakan sebelum bayaran dilakukan.

8. Tarikh Kuat Kuasa

- 8.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai 15 Julai 2019.